

22 MAR 1996

PERDANA MENTERI POLAND TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, yang antara lain bertujuan merapatkan hubungan antara kedua-dua negara.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Dr Cimoszewicz diiringi oleh isteri, Barbara, Timbalan Menteri Kewangan Pertama Krzysztof Kallicki, Timbalan Menteri Pertahanan Nasional Pertama Andrzej Karkoszeka, Naib Menteri Hal Ehwal Luar Robert Mroziewicz, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil sektor swasta.

Pemimpin Poland itu kemudian ke Medan Parlimen bagi acara sambutan rasmi.

Kemudian, beliau dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negeri Sembilan.

Dr Cimoszewicz juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini tengah hari ini sebelum menghadiri mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir akan meraikan pemimpin Poland itu pada satu jamuan di Seri Perdana, malam ini.

Ini merupakan lawatan pertama Dr Cimoszewicz ke Asia Tenggara selepas dilantik menjadi Perdana Menteri bulan lepas. -- BERNAMA

MAM NAK